

Rujukan Kami : USM.JB.HB.G.4/2021

Tarikh : 29 September 2021

Dekan/Pengarah/Penyelaras/Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/Pusat Kecemerlangan/
Pusat Perkhidmatan/Jabatan

Semua Kampus
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2021
SISTEM PRISM SEBAGAI MEDIUM PEMANTAUAN DAN MAKLUMAT TENDER DI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan Surat Edaran Bendahari (Bil.1/2021) bertarikh 4 Ogos 2021 adalah berkaitan.

2. Susulan daripada Surat Edaran Bendahari Bil.1/2021 berhubung Sistem PRISM (*Procurement Registration and Information System*) sebagai medium pemantauan dan makluman sebutharga, sukacita dimaklumkan Sistem PRISM ini juga **telah bersedia merekod pendaftaran dan maklumat tender Universiti secara 'realtime' serta dapat memaparkan status semasa** proses tender yang sedang berlaku di Seksyen Perolehan.

3. Dengan adanya 'Dashboard' yang disediakan, Ketua PTJ telah dapat menyemak dan memantau perolehan tender dan sebutharga yang dilaksanakan. Sistem PRISM boleh diakses melalui pautan <http://usmprism.usm.my>.

4. Sebarang pertanyaan dan maklumbalas berkaitan sistem ini boleh disalurkan kepada staf Seksyen Perolehan di setiap kampus seperti berikut :

Kampus	Senarai Staf Boleh Dihubungi	No. Sambungan
Induk & IPPT	: Puan Norazmira Binti Mahayudin Emel : norazmira_83@usm.my	(81) 3795
	: Encik Muhamad Zaid Bin Ahmad Emel : mzaid_ahmad@usm.my	(81) 6208
Kejuruteraan	: Puan Sazimah Binti Mohd Saad Emel : sazimah@usm.my	(82) 5162
Kesihatan & HUSM	: Puan Noruladila Binti Mohd Ramli Emel : noruladila@usm.my	(83) 3085
Pentadbir Sistem PRISM	: Emel : sperolehan@usm.my	-

5. Di samping itu, ingin dimaklumkan juga selaras dengan arahan di dalam Pekeliling Perbendaharaan, dokumen tender adalah diklasifikasikan sebagai sulit dan maklumat berkenaan sesuatu tender tidak boleh disebarikan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat.



**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 4 TAHUN 2021
SISTEM PRISM SEBAGAI MEDIUM PEMANTAUAN DAN MAKLUMAT TENDER DI
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

6. Ketua PTJ adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tentang keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender (sekiranya perlu) kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya seperti yang diperuntukan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575). Mana-mana pegawai awam juga yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu tender adalah dianggap telah melanggar peruntukan dalam akta-akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

7. Sehubungan itu, dengan adanya sistem PRISM ini kerjasama pihak YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk menjaga kerahsiaan maklumat seperti tidak berkongsi maklumat daftar masuk kepada pihak lain atau mendedahkan pautan tersebut kepada pihak yang tidak berkaitan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMARUL ARIFFIN BIN NGAH)

Bendahari

s.k Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan & Inovasi

Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni

Timbalan Naib Canselor
Kelestarian Dan Pembangunan Institusi

Pengarah
Kampus Kesihatan

Pengarah
Kampus Kejuruteraan

Pendaftar

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Ombudsman

Pengarah
Pusat Perancangan Institusi dan Strategik

Pengarah
Pembangunan Korporat Strategik